

16 MAY 1997

Mahathir-Gaji

JPA KAJI GAJI KAKITANGAN AWAM, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau telah meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membuat kajian mengenai gaji kakitangan awam berikutan tuntutan supaya ia dinaikkan.

"Saya sedang tunggu laporan berkenaan gaji kerajaan ini kerana kita dapati ada tuntutan supaya dibayar gaji yang lebih," katanya pada majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang 1996 Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata bahawa jika jumlah gaji dicampur elaun dan pencen, pendapatan kakitangan kerajaan lebih baik daripada pihak swasta kecuali di peringkat eksekutif.

"Di peringkat bawahan dan sederhana, jumlah pendapatan kakitangan awam adalah lebih baik daripada swasta," katanya.

Katanya keputusan mengenai tuntutan itu bergantung kepada hasil kajian dan kemampuan kerajaan.

Semasa ditanya lanjut oleh pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembinaan dan upacara pecah tanah Muzium Kesenian Islam berhampiran Masjid Negara, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menjadikan hasil kajian itu sebagai panduan bagi menyelesaikan tuntutan demi tuntutan yang dikemukakan kesatuan sekerja.

"Kita banyak dengar tuntutan-tuntutan yang kononnya tak cukup sara hidup lah itu ini apa semua tapi keadaannya di sektor swasta pun semacam juga."

"Kita susah hati pasal setiap kali kita selesaikan satu masalah datang permintaan yang lain, selesai sahaja satu ada pula permintaan baru," katanya.

Perdana Menteri berkata, laporan awal kajian itu menunjukkan pendapatan kakitangan kerajaan di peringkat bawahan jika dicampur dengan pelbagai elaun dan kemudahan (perks) adalah lebih baik berbanding rakan mereka di sektor swasta.

Bagaimanapun, beliau berkata, kajian itu masih diteruskan sehingga kerajaan mendapat maklumat secukupnya mengenai gaji pegawai dan kakitangan kedua-dua sektor itu untuk dijadikan perbandingan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan seperti juga orang ramai tidak boleh berbelanja melebihi pendapatan yang boleh membawa akibat buruk.

"Kita boleh berhutang untuk pembangunan kerana secara langsung atau tidak akan mendapat hasil tetapi tidak untuk membayar gaji," dan hakikat ini perlu disedari terutama oleh hampir sejuta kakitangan awam yang peranan mereka diperlukan bagi memastikan pembangunan dapat berjalan dengan lancar, katanya.

Dr Mahathir bersyukur dengan pentadbiran negara yang secara umumnya berjalan dengan baik walaupun terdapat dakwaan ada rasuah dan ketidakcekapan.

Ini terbukti dengan pencapaian pertumbuhan ekonomi negara yang melebihi 8 peratus sejak sembilan tahun lepas berturut-turut dan merupakan yang terbaik di dunia, katanya.

Hasilnya, Malaysia mampu membangunkan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan dalam jangka masa yang pendek sahaja, kata beliau.

Pada majlis itu Perdana Menteri menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 176 kakitangan JPM iaitu sebanyak 75 orang dalam kategori melintang dan 111 orang dalam kategori menegak.

Masing-masing menerima sebuah jam, sijil penghargaan dan Sijil Amanah

Saham Bumiputera (ASB) atau Sijil Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) yang tidak dinyatakan jumlahnya.

Terdahulu ketika berucap, Ketua Setiausaha Negara Datuk Halim Ali berkata sijil ASB dan sijil premium itu adalah julung kali diberikan setelah pindaan kepada pekeliling anugerah khidmat cemerlang diluluskan. --
BERNAMA

MNY/RHM/AH RON